

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 19 OGOS 2023  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 18

### Ringgit tunjuk tanda-tanda kenaikan suku ketiga 2023

## Ringgit tunjuk tanda-tanda kenaikan suku ketiga 2023

**KUALA LUMPUR** - Ringgit susut sebanyak 5.8 peratus pada suku kedua 2023, namun meningkat sebanyak 1.1 peratus dalam tempoh suku ketiga setakat ini (setakat 15 Ogos, 2023) berikutan jangkaan yang semakin meningkat bahawa pengetatan dasar monetari di Amerika Syarikat (AS) hampir berakhir.

Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Datuk Abdul Rasheed Ghaffour berkata, perkembangan global terus

menjadi faktor utama yang mendorong keadaan kewangan domestik pada suku kedua 2023.

"Sentimen pasaran kewangan global terjejas disebabkan oleh kebimbangan berhubung dengan prospek pertumbuhan ekonomi global yang lebih perlahan dan pemulihan ekonomi di China yang lebih lemah daripada jangkaan," katanya pada sidang akhbar di sini pada Jumaat.

Beliau berkata, kebimbangan ini

semakin bertambah berikutan kebimbangan terhadap krisis had hutang tertinggi AS dalam tempoh dua bulan pertama suku kedua, bersama jangkaan semasa pasaran kewangan bahawa dasar monetari akan terus diperketat di ekonomi-ekonomi maju.

Katanya, BNM akan terus memantau keadaan kewangan global serta domestik dengan teliti serta memastikan pelarasan pasaran kekal teratur- *Bernama*